

04 SEP 1998

Anwar-Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH SOKONG TINDAKAN PM

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah menyokong penuh tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya tindakan itu wajib diambil berdasarkan pertimbangan teliti Dr Mahathir untuk memelihara kepentingan rakyat serta menjamin keselamatan dan kestabilan negara.

Sebagai anggota Umno, Tengku Razaleigh berkata beliau juga menyokong keputusan sebulat suara Majlis Tertinggi Umno memecat Anwar daripada parti.

"Saya percaya keputusan itu dibuat berdasarkan pertimbangan mendalam anggota MT demi memelihara imej dan menjamin nama baik Umno yang merupakan parti ummat Islam terbesar dan tunggak perjuangan orang Melayu," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya keputusan itu tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana anggota Umno; malah mereka hendaklah memberi sokongan penuh terhadapnya.

Tengku Razaleigh berkata beliau percaya peristiwa ini tidak akan memberi apa-apa kesan kepada nama baik kerajaan Malaysia dan Umno pimpinan Dr Mahathir.

"Saya yakin berkat dukungan dan sokongan penuh rakyat terhadap beliau, kerumitan negara akibat kegawatan ekonomi hari ini dapat diselesaikan segera," kata beliau. -- Bernama

sj